

PENDAHULUAN

Pengenalan

Seiring dengan perkembangan zaman, sejarah mencatatkan bahawa hadith dan kepelbagaiannya ilmunya telah tersebar ke segenap pelusuk dunia. Rasulullah S.A.W sendiri telah menggalakkan umatnya agar menyampaikan segala ilmu yang diambil daripada baginda. Perkara ini telah diisyaratkan oleh Rasulullah dalam sebuah hadith:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَلَّغُوا عَنِّي وَلُوْ آيَةً وَحَدَّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَبْرُوْأْ مَقْعَدَهُ مِنْ النَّارِ.

¹

Ertinya: “*Daripada Abdullah bin 'Amr R.A., daripada Nabi S.A.W., sabdanya: "Sampaikanlah (apa yang kamu dapat) daripadaku walaupun satu ayat; dan ceritakanlah (apa yang sampai kepada kamu) tentang Bani Israel dan (dalam pada itu) tidak ada salahnya (kalau kamu tidak ceritakan). Dan (ingatlah!) sesiapa yang berdusta terhadapku (dengan sengaja mereke-reka sabdaan yang aku tidak sabdakan), maka tempahlah tempatnya di dalam neraka.”*

Namun, dalam masa yang sama, hadith di atas menunjukkan bahawa Baginda mengingatkan kita dengan memberi penegasan agar tidak menyandarkan sesuatu maklumat secara dusta kepada Baginda.

Justeru, hadith ini secara jelas menjadi dalil betapa pentingnya kita mempelajari ilmu-ilmu berkaitan hadith Nabi S.A.W. sebelum kita menyebarluaskan sesebuah hadith.

¹ Hadith riwayat al-Bukhārī, Bab Mā Dhukira ‘An Banī Isrā’l, no. hadith 3461. Lihat Muḥammad bin Ismā’il al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-Salām bin Muḥammad bin ‘Umar ‘Allūsy (Riyadh: Maktabah Rusyd, 2006), 473.

Mempelajari dispilin ilmu *takhrij* hadith membolehkan kita mengenalpasti statusnya dan membezakan antara hadith yang *maqbūl* dan hadith yang *mardūd*.

Seiring dengan tersebar luasnya karya berkaitan hadith ini, ulama kini telah bergiat aktif meneliti dan mengoreksi hadith-hadith yang termuat dalam karya ini supaya ia sampai kepada pembaca dalam keadaan murni dari sebarang bentuk pendustaan ke atas Rasulullah s.a.w. Justeru, kajian analisa dan takhrij yang dibuat ke atas karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini merupakan usaha yang dilakukan untuk memurnikan hadith yang terdapat di dalamnya agar karya ini dapat disebar luaskan dalam keadaan yang selamat.

Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis teks-teks hadith yang digunakan di dalam kitab *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* yang disandarkan penulisannya kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.

Di dalam laman sesawang *al-Islām Suāl Wa Jawāb* yang dikendalikan oleh Syeikh Muhammad Saleh al-Munajjid, salah seorang pelayar laman ini yang tidak dikenali namanya mempersoalkan tentang kesahihan penyandaran karya ini kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.² Melalui kajian dan penilaian berpandukan fakta yang kukuh, beberapa orang sarjana islam seperti Dr. Syākir Abd al-Mun’im dan Syeikh Masyhūr bin Ḥasan Āli Salmān telah membuktikan bahawa *al-Munabbihāt* bukanlah karya karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī sebagaimana yang disangka umum. Akan tetapi siapakah penulis sebenar karya ini?

² Muhammad Ṣāliḥ al-Munajjid, “Apakah pandangan anda berkaitan kitab al-Isti’dād li Yawm al-Ma’ād”, laman sesawang *Islam Question and Answer*, dicapai 7 Oktober 2009, <http://www.islamqa.com/ar/ref/136932>.

Bertitik tolak dari persoalan di atas, maka pengkaji berhasrat untuk menjalankan kajian terhadap manuskrip asal karya *al-Munabbihāt* ini. Sebagai rujukan dan sokongan kepada manuskrip asal ini, penulis telah memilih naskah lain bagi karya *al-Munabbihāt* ini. Walaupun karya ini telah diterbitkan, namun lantaran keterbatasan sumber, pengkaji hanya memiliki karya berformat PDF sahaja dan pengkaji dapati hadith-hadith yang dimuatkan di dalamnya masih belum dibuat kajian. Karya sokongan ini berjudul *al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* dan telah diedit oleh Umar al-Dirāwī Abū Hajlah. Ia diterbitkan oleh Muassasah al-Ma'ārif yang berpangkalan di Beirūt. Namun, tiada sebarang tarikh terbit ditemukan pada naskah ini.

Sebagai tambahan kepada sokongan ini, penulis menyertakan sebuah karya ulasan kepada karya ini, yang berjudul *Naṣāḥah al-'Ibād 'Alā al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* yang dikarang oleh Syeikh Muḥammad Nawawī Banten.³ Justeru, kajian ini akan menganalisis aspek ini sebagai satu kajian ilmiah berdasarkan metodologi kajian perpustakaan yang berkaitan dengan ilmu Hadith.

Persoalan Kajian

Di antara persoalan kajian bagi topik ini ialah:

- a) Siapakah pengarang sebenar karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* ini? Kajian telah dijalankan oleh beberapa sarjana Islam seperti Dr. Syākir Abd al-Mun'im dan Syeikh Masyhūr bin Ḥasan Āli Salmān membuktikan bahawa ia bukan karya yang ditulis oleh Ibn Ḥajar al-'Asqalāni.

³ Muḥammad Nawawī Bin Umar Al-Jāwī, *Naṣāḥah al-'Ibād 'Alā al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*, (Singapura – Jeddah – Indonesia: al-Ḥaramayn, t.t.).

Ianya hanyalah satu penyandaran palsu dan pendustaan ke atas nama Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni semata-mata.

- b) Apakah status kualiti hadith-hadith yang dikemukakan oleh pengarang di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini?
- c) Berapakah jumlah hadith-hadith maqbul dan mardud yang terdapat di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini? Berapa pula jumlah riwayat yang *marfū'*, *mawquf*, *mursal* dan sebagainya?

Objektif Kajian

Melalui kajian ini, penulis telah menggariskan tiga objektif utama yang ingin penulis capai:

- I. Menilai sebuah karya berjudul *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* serta keabsahan penyandarannya kepada Ibn Ḥajar al-Asqalāni.
- II. Mengenalpasti status dan kualiti hadith-hadith yang digunakan di dalam kitab *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* samada ianya bertaraf *sahīh*, *hasan*, *da’īf* ataupun *mawdū'*.
- III. Menganalisis kepelbagaian bentuk riwayat hadith di dalam karya ini.

Kepentingan Kajian

- I. Kajian ini mampu memfokuskan terhadap status sesuatu teks hadith samada ianya bertaraf hadith *sahīh*, *hasan*, *da’īf* ataupun *mawdū'* seperti yang terdapat di dalam kitab *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini.

- II. Melalui kajian status hadith-hadith ini juga boleh memberi pendedahan kepada pembaca berkenaan hadith-hadith yang boleh dijadikan amalan serta sandaran dan hadith-hadith yang tidak boleh dijadikan pegangan.
- III. Kajian ini juga dianggap penting kerana ianya boleh menambah hasil-hasil penulisan khususnya di dalam Bahasa Malaysia yang berkaitan dengan disiplin ilmu *takhrij al-hadith* seterusnya membantu perkembangan ilmu hadith di alam Melayu.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini adalah merupakan kajian yang berbentuk perpustakaan yang mana ia memerlukan kepada pengumpulan data dan fakta melalui pelbagai medium seperti tesis, jurnal, ensiklopedia, kajian ilmiah dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan sempurna, maka segala data dan fakta tersebut akan diteliti dan dianalisis melalui beberapa metode seperti berikut:

I. Metode penentuan subjek:

Sebelum merujuk kepada sumber dan bahan kajian, penulis telah membuat penelitian ke atas skop kajian seterusnya menentukan subjek kajian yang ingin penulis jalankan. Penulis telah membuat keputusan untuk mengkaji tajuk ini, iaitu takhrij dan analisa terhadap hadith-hadith yang terkandung di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*. Kajian ini mencakupi tiga elemen utama. Elemen pertama berkaitan dengan kajian terhadap status hadith di dalam kitab ini dan ia akan dibincangkan di dalam bab tiga. Elemen kedua pula meliputi perbahasan berkaitan karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* yang dibahaskan di dalam bab dua. Elemen yang

ketiga pula membahaskan tentang permasalahan individu yang bertanggungjawab terhadap penulisan karya *al-Munabbihāt* ini. Permasalahan ini juga dibahaskan di dalam bab dua.

II. Metode pengumpulan data dan maklumat:

Setelah menentukan subjek kajian yang ingin dikaji, penulis telah berusaha dengan sedaya upaya mengumpulkan data dan fakta yang dirasakan perlu untuk menyiapkan kajian ini dengan sebanyak mungkin. Ianya mencakupi data primer dan data sekunder. Data tersebut diperoleh menerusi metode-metode berikut:

a) Metode historis

Metode ini digunakan untuk meneliti dan menganalisis segala data dan fakta yang berkaitan dengan sejarah. Metode ini digunakan sewaktu mengumpul data yang berkaitan dengan sejarah perkembangan ilmu takhrij secara khusus. Metode ini dipraktikkan secara khusus di dalam bab satu dan bab dua.

b) Metode dokumentasi

Metode ini bermaksud menganalisis mana-mana dokumen atau bahan bertulis yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara yang hendak dikaji. Penulis telah meneliti banyak dokumen yang berkaitan dengan kajian ini. Hasil dari penelitian tersebut menatijahkan pengumpulan dokumen-dokumen yang dirasakan penting. Penulis merasakan bahawa kitab *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dan kitab *Nasāīh al-‘Ibād ‘Alā al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* adalah merupakan dokumen yang terpenting di antara dokumen-dokumen penting yang lain kerana kedua-dua karya ini menjadi tajuk utama kajian ini. Bagi menjayakan kajian ini, pelbagai rujukan sekunder diperlukan terutama berkaitan ilmu

takhrij al-hadith. Bagi tujuan tersebut, penulis telah menjadikan karya *al-Wādih Fi Fann al-Takhrij Wa Dirasāt al-Asānid*⁴ dan beberapa karya ilmu takhrij lain sebagai rujukan dalam mengumpul maklumat berkenaan ilmu *takhrij al-Hadīth*. Metode dokumentasi ini diaplikasi secara khusus di dalam bab dua.

III. Metode penganalisaan data:

Data-data serta fakta-fakta yang diperoleh dan dikumpulkan itu kemudiannya akan dianalisis untuk menghasilkan satu kesimpulan yang dapat dipertanggungjawabkan dalam kajian ini. Maka untuk merumuskan kesimpulan tersebut, penulis menggunakan metode-metode berikut:

a) Metode *takhrij al-Hadīth*

Pelbagai metode yang telah digunakan oleh ulama terdahulu dalam mempraktikkan disiplin ilmu *takhrij al-Hadīth* di dalam penulisan karya-karya mereka. Dalam mengenal pasti metode-metode ini, kajian secara terperinci dan mendalam telah dilakukan oleh generasi terkemudian sehingga mereka boleh membuat satu kesimpulan tentang pengenalpastian metode-metode tersebut.

Di antara tokoh sarjana Islam yang telah membuat kajian ini ialah Dr Mahmud Tahhan. Di dalam karyanya *Uṣūl al-Takhrij Wa Dirasāt al-Asānid*, beliau menyebutkan serba lengkap tentang kajian metode *takhrij al-Hadīth*⁵ ini sebagaimana kata beliau: “Sepanjang penelitianku melalui kajian teoritikal dan praktikal berkenaan metode *takhrij al-Hadīth* yang boleh diperlakukan oleh para pengkaji untuk mentakhrij hadith, maka aku telah dapati bahawa metode *takhrij al-Hadīth* itu tidak lebih dari lima metode”. Metode-metode tersebut adalah:

⁴ Dr. Sultan Sanad al-‘Akailah *et al.* (Amman: Dār al-Ḥamīd, 2004).

⁵ Dr Mahmud Tahhan, *Uṣūl al-Takhrij Wa Dirasāt al-Asānid*, (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif, 1996), 37-38.

1. *Takhrij al-Hadīth* melalui cara mengenal pasti periwayat hadith dari kalangan sahabat R.A.
2. *Takhrij al-Hadīth* melalui cara mengenal pasti pangkal teks hadith.
3. *Takhrij al-Hadīth* melalui cara mengenal pasti sesuatu perkataan atau lafaz dari mana-mana bahagian dari teks hadith yang menonjol atau yang jarang digunakan.
4. *Takhrij al-Hadīth* melalui cara mengenal pasti tajuk perbincangan hadith, atau satu tajuk dari tajuk-tajuk perbincangannya. Hal ini berlaku sekiranya wujud kepelbagaian tajuk perbincangan bagi sesebuah hadith.
5. *Takhrij al-Hadīth* melalui cara mengenal pasti sifat khusus yang terdapat pada rantai sanad hadith atau pada teksnya.

Demikian metode-metode *takhrij al-Hadīth* yang disimpulkan oleh Dr. Mahmūd Taḥḥān hasil dari pembacaan dan kajiannya terhadap metode-metode yang diterapkan oleh ulama terdahulu di dalam karya-karya mereka.

Akan tetapi, metode-metode ini tidak terhenti sekadar di sini sahaja, bahkan ia turut terkesan dengan perkembangan zaman. Kehadiran dunia ICT kini turut memberi impak yang sangat besar kepada disiplin ilmu *takhrij al-Hadīth* secara khusus dan disiplin ilmu-ilmu *al-Hadīth* pada peringkat yang lebih umum. Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan perisian elektronik yang dapat membantu para pengkaji hadith untuk mencari hadith dengan cara yang sangat mudah. Malah, hadith juga boleh ditakhrij melalui perisian ini. Ini menjadikannya sebagai metode *takhrij al-Hadīth* keenam, iaitu:

6. *Takhrij al-Hadīth* menggunakan perisian komputer dan laman sesawang yang berautoriti. Sebagai satu kaedah yang moden, kaedah ini boleh memudahkan dan mempercepatkan para pengkaji untuk mencari dan mentakhrij sesebuah hadith.

Justeru, dalam menyiapkan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan hanya tiga metode sahaja. Metode takhrij yang digunakan tersebut ialah metode mengenal pasti pangkal hadith, metode mengenal pasti sifat hadith, dan metode pencarian hadith menggunakan perisian komputer serta laman sesawang yang berautoriti.

Kaedah mengenal pasti pangkal hadith dapat membantu memudahkan penulis mencari hadith. Namun, kaedah ini hanya terhad kepada karya-karya hadith yang utama sahaja. Hal yang demikian itu adalah kerana tidak semua karya hadith memiliki direktori yang menghimpunkan senarai pangkal hadith pada bahagian belakang karya tersebut.

Pengkaji juga menggunakan kaedah mengenali sifat-sifat yang ada pada sesebuah hadith sebagai metode dalam mentakhrij hadith. Hadith yang bersifat *masyhūr* di bibir manusia dapat ditemukan statusnya dengan melihat kepada kitab hadith sahih mahupun kitab sunan. Hadith yang ganjil dan jarang ditemui pula boleh dirujuk statusnya dengan melihat kitab yang menghimpunkan hadith palsu dan sebagainya. Begitulah cara kaedah ini membantu saya menemukan status hadith yang dinukilkkan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini.

Andai masih ada lagi hadith-hadith yang tidak dapat ditemukan statusnya, pengkaji akan menggunakan kaedah pencarian hadith menggunakan perisian komputer dan laman sesawang yang berautoriti. Perisian komputer yang pengkaji gunakan ialah perisian *Maktabah Syamilah* versi 3.5. Manakala laman sesawang berautoriti yang menjadi pilihan penulis pula ialah laman sesawang www.dorar.net. Penulis mempraktikkan metode takhrij ini dalam menyempurnakan kajian di dalam bab tiga.

b) Metode induktif

Metode induktif ini merupakan salah satu cara menganalisis data dengan menggunakan pola berfikir dengan mencari bukti-bukti dari dalil-dalil yang bersifat khusus untuk

sampai kepada dalil yang umum. Metode ini akan digunakan ketika penulis ingin menganalisis data-data dan fakta yang berkaitan, dengan cara meneliti secara terperinci hadith-hadith yang dihidangkan di dalam karya *al-Munabbihāt* ini dari aspek kesahihan, sama ada pada sanadnya atau pada matannya sehingga menatijahkan status pada sesebuah hadith tersebut.

Dalam menghukum sesebuah hadith sebagai hadith *mardūd*, penulis menukilkhan kritikan ulama terhadap periyat hadith tersebut. Dalam kebanyakan situasi, setiap hadith yang dianalisis akan dinyatakan statusnya, sama ada dengan menukilkhan pendapat ulama atau melalui ijtihad penulis berdasarkan kajian ke atas ulasan ulama-ulama silam terhadap hadith tersebut. Justeru, metode induktif ini diaplikasikan di dalam bab dua dan bab tiga.

c) Metode kuantitatif

Melalui metode ini, penulis akan menyenaraikan kesemua hadith-hadith yang dimuatkan di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dengan mengambil kira jumlah hadith-hadith tersebut. Kajian akan dilakukan ke atas hadith-hadith tersebut dengan cara mengenal pasti jumlah dan peratusan setiap status hadith tersebut samada ia bertaraf *sahīh*, *ḥasan*, *da’īf*, *mawdū’* dan lain-lain. Riwayat hadith-hadith ini juga akan dinilai dari sudut jumlah serta peratusan riwayat yang *marfū’*, *mauqūf*, *mursal*, *maqtū’* dan sebagainya. Metode kuantitatif ini digunakan sepenuhnya di dalam bab empat.

Ulasan Kajian Terdahulu

Daripada tinjauan dan sorotan terhadap tajuk yang dipilih, pengkaji akan membahagikan perbincangan ini kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama, pengkaji membincangkan kajian-kajian yang dilakukan di peringkat tesis Doktor

Falsafah dan disertasi Sarjana yang berkaitan topik *takhrij al-Hadith*. Bahagian kedua ialah kajian terhadap buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan karya *al-Munabbiḥāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.

I. Bahagian Kedua: Kajian Ilmiah Berkaitan Disiplin Ilmu *Takhrij al-Hadith*

- a) Fauzi Deraman (1997), *Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: satu kajian terhadap karya-karya Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy*, Tesis Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Menurut pemerhatian, pengkaji akan menyenaraikan pelbagai sumber bagi hadith yang dianalisis jika hadith tersebut mempunyai pelbagai sumber. Sekiranya perlu, dinyatakan nombor hadithnya.

Jika terdapat lafaz teks yang berbeza, pengkaji akan menyenaraikannya dengan membuat penjelasan tentang perbezaan lafaz di antara kedua-dua hadith tersebut. Pengkaji turut menyenaraikan hadith yang mempunyai makna yang sama dengan hadith yang dianalisis, walaupun kedua-duanya mempunyai perbezaan dari sudut lafaz.

Dalam menghukum sesebuah hadith sebagai hadith *mardūd*, pengkaji menukilkan kritikan ulama terhadap periwayat hadith tersebut. Dalam kebanyakan situasi, setiap hadith yang dianalisis akan dinyatakan statusnya, sama ada dengan menukilkan pendapat ulama atau melalui ijtihad pengkaji berdasarkan kajiannya ke atas ulasan ulama terhadap hadith tersebut.

- b) M. Arief Halim (2007), *Hamka Dan Tafsir Al-Azhar : Suatu Kajian Kualiti Hadith*, Tesis Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Tafsir al-Azhar karya Hamka amat masyhur dan merupakan rujukan bagi umat pencinta ilmu keislaman, terutama pelajar dan mubaligh. Menurut laporan pengkaji, tafsir ini mengandungi banyak hadith yang tidak dikenal pasti kualitinya. Berdasarkan penelitiannya terhadap isi kandungan keseluruhan tafsir ini, direkodkan sebanyak 918 buah hadith yang ditemui. Walau bagaimanapun, kajian ini hanyalah terhad dapa juzuk pertama hingga akhir juzuk empat yang melibatkan semakan terhadap 142 buah hadith sahaja.

Menurut pemerhatian, hadith-hadith yang dikaji mempunyai bentuk matan yang amat variasi. Ada yang hanya ditulis maknanya sahaja tanpa dikemukakan lafaz Arabnya. Ada yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Ada juga hadith yang diriwayatkan oleh selain daripada kedua-duanya. Bahkan, ada juga hadith yang tidak dinyatakan data periyawatnya.

Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa hadith dalam Tafsir al-Azhar sehingga juzuk empat mengandungi sebanyak 35 buah hadith (24.65 %) yang lafaznya tidak selaras dengan sumber asalnya. Pengkaji mengenal pasti dan membuat kesimpulan bahawa pengarangnya tidak merujuk kepada sumber asal melainkan dari kitab lain, terutamanya Tafsir al-Manar.

Menurut kajian pengkaji, kualiti sanad hadith yang boleh dijadikan hujah, terdiri dari *sahīh* sebanyak 51 buah hadith (35.92%), *sahīh li ghayrih* sebanyak lima buah hadith (3.52%) dan *hasan* 32 buah hadith (22.53%). Selebihnya terdiri dari *hasan lighayrih*, iaitu sebanyak lima buah hadith (3.52%). Adapun hadith *daīf*, sebanyak 44 buah hadith (30.98%) ditemukan, dan amat *daīf* pula sebanyak tiga buah hadith

(2.11 %), manakala hadith yang tidak dapat dikesan asalnya pula sebanyak sebuah hadith (0.71 %). Hadith *mawdū'* tidak ditemui di dalam karya ini. Walau bagaimanapun, ditemukan di dalam karya ini sebuah hadith *mawqūf* (0.71%) yang merupakan fatwa sahabat. Justeru, dapat dinyatakan bahawa hadith-hadith yang terdapat dalam *Tafsir al-Azhar* yang boleh dijadikan hujah amat banyak berbanding dengan hadith yang tidak boleh dijadikan hujah.

- c) Ahmad Lutfi (2000), *Kajian Hadith Kitab Durrat al-Nasihin*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Dalam membuat kajian terhadap hadith-hadith di dalam karya *Durrat al-Nāṣīḥīn* karangan ini Uthman Bin Hasan al-Khubawi, pengkaji telah menerangkan metodologi menghukum hadith secara terperinci. Pengkaji telah menggunakan kaedah Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dan anak muridnya Muḥammad bin Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī dalam menghukum sesebuah hadith.

Menurut pengkaji, secara keseluruhan daripada 839 buah hadith yang terdapat di dalam karya ini, beliau menemukan sebanyak 204 buah hadith berstatus *sahīh* (24.3%), 12 buah hadith berstatus *sahīh li ghayrih* (1.4%), 2 buah hadith berstatus Isnaduhu *sahīh* (0.2%), 67 buah hadith berstatus *hasan* (8%), 19 buah hadith berstatus *hasan li ghayrih* (2.2%).

Adapun hadith berstatus *mardud*, sebanyak 251 hadith berstatus palsu (30%). Hadith berstatus lemah pula ditemukan sebanyak 180 hadith (21.5%), amat lemah sebanyak 48 buah hadith (5.7%), dan hadith yang belum dapat dipastikan statusnya ditemukan sebanyak 56 hadith (6.7%).

- d) Giasuddin Hafiz (2005), *al-Takhrij wa al-Bayan li ma Warada min al-Hadith fi "Tashim al-Qur'an"li al-Ustadh Abu A'la al-Mawdudi*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Ilmu Wahyu dan al-Qur'an al-Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak.

Menurut pemerhatian, berbeza dengan beberapa buah kajian yang dinyatakan di atas, pengkaji ini menukikan hadith lain yang bersifat *syāhid* - jika ada - bagi bagi setiap teks hadith utama. Jika hadith tersebut pernah disebut sebelumnya, maka pengkaji hanya mengisyaratkan maklumat tentangnya di tempat yang telah dinyatakan.

- e) Mohd. Muhiben Abd. Rahman (2003), *Syeikh Nuruddin al-Raniri dan sumbangannya kepada pengajian al-Hadith: kajian terhadap Kitab al-Fawa'id al-Bahiyyah fi al-Ahadith al-Nabawiyyah*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Pengkaji menggunakan metode takhrij yang ringkas. Kesemua maklumat takhrij dan ulasan terhadap darjatnya direkodkan pada nota kaki. Sesebuah hadith yang diulas itu akan dinyatakan pelbagai sumbernya, sekiranya ada. Apabila berhadapan dengan sesebuah hadith berstatus *mardūd*, pengkaji akan menjelaskan sebab-sebab *keđa iñfannya* serta pendapat ulama terhadap hadith tersebut.

- f) Mazlan Sidek (2005), *Hadis Dalam Kitab al-Durr al-Thamin Karangan Syeikh Daud al-Fatani: Takhrij Dan Analisis*. Disertasi Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengaian Islam, Universiti Malaya.

Menurut pemerhatian, pengkaji mentakhrij hadith menggunakan metode yang ringkas. Pengkaji tidak menyatakan sanad hadith sepenuhnya. Ketika mentakhrij, pengkaji menukilkan maklumat tentang hadith tersebut lebih dari satu sumber. Maklumat dari sumber-sumber tersebut juga dinyatakan secara lengkap. Pengkaji menukilkan hadith syahid di bahagian nota kaki. Hanya beberapa maklumat penting sahaja dimasukkan seperti sumber hadith dan sebagainya.

Menurut pemerhatian juga, ada beberapa perkara yang disentuh oleh pengkaji dalam soal menetapkan status hadith. Antara perkara yang dibicarakan ialah seperti periwayatan hadith dengan perbezaan lafaz atau makna, kepelbagaiannya jalan periwayatan hadith beserta martabatnya, ulasan terhadap periwayat hadith pada riwayat hadith yang berstatus lemah. Turut dinyatakan adalah persamaan atau perbezaan sesebuah hadith dengan hadith sebelumnya.

g) Rosni Wazir (2006), *Hadis-Hadis Dalam Kasyf al-Ghumma Juzuk Pertama Karya Syeikh Daud al-Fatani: Takhrij Dan Ulasan*. Disertasi Sarjana, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengaian Islam, Universiti Malaya.

Menurut pemerhatian, maklumat takhrij yang disertakan tidak jauh beza dengan kajian-kajian yang dinyatakan sebelum ini. Pengkaji akan menukilkan teks hadith secara lengkap jika teks yang dinyatakan dalam bahan kajian tidak lengkap. Segala maklumat berkenaan takhrij direkodkan pada bahagian nota kaki menjadikan maklumat yang terdapat pada teks utama hanyalah nama periwayat hadith tersebut.

- h) Urwatul Wusqa Tabrani (2004), *Kajian Hadith Kitab Nasa'ih al-'Ibad*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penulis memilih untuk meneliti penulisan disertasi ini adalah disebabkan kajian yang telah saudara Urwatul Wusqa Tabrani telah jalankan mungkin ada hubung kaitnya dengan kajian yang ingin penulis lakukan di mana saudara Urwatul Wusqa Tabrani telah mengkaji hadith-hadith di dalam karya ulasan kepada karya yang ingin penulis kaji.

Setelah meneliti disertasi sarjana ini, penulis mendapati ada beberapa perkara yang telah saudara Urwatul Wusqa Tabrani mungkin terlepas pandang. Contohnya masalah penyandaran karya *al-Munabbihāt 'Ala al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* kepada Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. Ketika beliau menceritakan tentang pembahagian bab di dalam karya *Nasāih al-'Ibād*, beliau menyatakan bahawa:

“Dalam membahagikan bab, kitab ini mengikut kepada kitab asalnya iaitu *al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* karangan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī.”⁶

Berkenaan hadith yang beliau takhrij pula, saudara Urwatul Wusqa Tabrani telah menyatakan pada awal disertasi beliau bahawa jumlah hadith yang terdapat dalam karya *Nasāih al-'Ibād* berjumlah sebanyak 340.⁷ Akan tetapi beliau hanya memilih sebanyak 40 buah hadith sahaja untuk beliau kaji dan di dalam jumlah itu turut mengandungi 15 buah hadith yang di ambil dari karya asal, iaitu *al-Munabbihāt 'Ala al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*.

Oleh kerana saudara Urwatul Wusqa Tabrani telah mentakhrijkan sebanyak 15 buah hadith tersebut, maka penulis tidak lagi boleh mengkaji hadith tersebut

⁶ Urwatul Wusqa Tabrani, *Kajian Hadith Kitab Nasa'ih al-'Ibad*, (Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 16.

⁷ *Ibid.*, 12.

seterusnya menjadikan jumlah hadith yang akan penulis kaji dan analisis adalah sebanyak 36 buah hadith sahaja.

Perincian hadith-hadith dari karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* yang telah dikaji oleh saudara Urwatul Wusqa Tabrani adalah seperti berikut:

- 1) Bab *Thunāī*: Beliau mengkaji semua hadith bab ini seperti yang terkandung di dalam *al-Munabbihāt*. Nombor hadith seperti di dalam disertasi adalah 3,6,9 dan 10.
- 2) Bab *Thulāthī*: Beliau mengkaji semua hadith bab ini seperti yang terkandung di dalam *al-Munabbihāt*. Nombor hadith seperti di dalam disertasi adalah 16,19,20,21,23,24,28,30 dan 31.
- 3) Bab *Rubā’ī*: Beliau hanya mengkaji dua buah hadith sahaja dari karya *al-Munabbihāt* iaitu hadith bernombor 33 dan 37 di dalam disertasi beliau.

Saudara Urwatul Wusqa Tabrani tidak mengkaji baki hadith selebihnya sama ada dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* mahupun *Nasāīh al-‘Ibād*. Beliau juga turut menyarankan pada akhir disertasi beliau agar melakukan kajian lanjutan terhadap hadith-hadith yang masih belum dikaji di dalam karya ini, sama ada dalam bentuk penulisan tesis mahupun dalam bentuk kajian ilmiah.⁸ Oleh itu, ia memberi ruang kepada penulis untuk mengkaji baki hadith-hadith selebihnya.

⁸ *Ibid.*, 166.

II. Bahagian Kedua: Kajian Terhadap Karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*.

- a) Ibn Ḥajar al-’Asqalānī, *al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*, ed.Umar al-Dirāwī Abū Hajlah, Beirūt: Muassasah al-Ma’ārif. Tanpa tahun terbit.

Setelah penelitian dijalankan, penulis dapati bahawa hadith-hadith yang dinyatakan di dalam karya ini masih tidak ditakhrijkan dan persoalan penyandaran karya ini kepada Ibn Ḥajar al-’Asqalānī juga tidak disentuh.

Penulis juga turut menemukan naskah lain berkaitan kajian terhadap karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini melalui capaian internet, akan tetapi penulis tidak dapat mengesahkan kewujudannya kerana tidak berjaya melihat hasil kajian tersebut dengan mata sendiri.

Naskah yang telah penulis maksudkan ini juga berjudul *al-Isti’dād li-yawm al-Ma’ād li-Ibn Ḥajar al-’Asqalānī ; taqdīm wa-taḥqīq wa-ta’līq ‘Ādil Abū al-Ma’ād*.⁹

Kajian ini telah diterbitkan pada tahun 1986 di Kaherah. Penulis telah menemukan maklumat kewujudan kajian ini setelah penulis mencari maklumat berkenaan di dalam rekod katalog perpustakaan kongres yang berpangkalan di Washington DC, Amerika Syarikat.

- b) Abū Ubaidah Masyhūr bin Ḥassan Āli Salmān, *Kutub Hadhar Minhā al-Ulamā’*, Dār al-Ṣāmi’ī, 1995. Menurut pengamatan penulis, satu bab dari kitab ini telah membicarakan tentang permasalahan penyandaran karya *al-*

⁹ Laman sesawang *Library of Congress Online Catalog*, dicapai 7 Oktober 2009, http://catalog.loc.gov/cgi-bin/Pwebrecon.cgi?Search_Arg=Abū%20al-Ma’ād&%20‘Ādil.&Search_Code=NAME_&CNT=25&PID=S2XsGquwcfg26LJxe8WXMgIYoYeDT&BROWSE=1&HC=1&SID=1

Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād kepada Ibn Ḥajar al-’Asqalānī.

Oleh kerana penulis turut menjadikan karya ulasan karangan Imam Nawawi al-Bantānī sebagai bahan rujukan sokongan kepada manuskrip asal, maka penulis turut mengkaji sama ada wujudnya kajian khusus terhadap karya tersebut.

Secara kesimpulannya, setakat kajian dan tinjauan yang telah penulis lakukan sehingga disertasi ini ditulis, penulis masih belum menemukan sebarang bentuk penulisan yang memfokuskan kajian teks hadith di dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* ini secara sempurna dari mula hingga akhirnya. Walaupun kajian-kajian yang telah disebutkan ini tidak menyamai dengan apa yang ingin penulis kaji, namun hasil-hasil penulisan ini sangat membantu penulis dalam mendapatkan data dan fakta yang diperlukan bagi menyiapkan kajian ini.

Sistematika Penulisan:

Bahagian Pendahuluan

Satu bahagian pendahuluan ditulis bagi menerangkan tentang perkara-perkara asas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Di dalam bahagian ini, dinyatakan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, pengertian tajuk danuraian istilah, ulasan penulisan, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Pembahagian Bab

Bab Satu: Konsep *Yawm al-Ma'ād* Dan *Sunan al-Sittah*

Pada bab ini, penulis membicarakan soal *yawm al-ma'ād* dan *Sunan al-Sittah*. Penulis memulakan bab ini dengan sebuah pendahuluan diikuti definisi *yawm al-ma'ād* dan *Sunan al-Sittah*. Kemudian, penulis menukarkan hadith-hadith *yawm al-ma'ād* di dalam *Sunan al-Sittah* dan metode persembahan pengarang.

Bab Dua: Karya *al-Munabbihāt 'Ala al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*

Dalam bab yang kedua ini, Karya *al-Munabbihāt 'Ala al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* diperkenalkan. Kesemua maklumat tentang karya ini seperti kepelbagaian versi karya, sistematika penulisan karya, metodologi penyusunan bab, metodologi pengisian bab, metode penulisan hadith, keistimewaan karya dan kelemahan karya diperbahaskan. Seterusnya, penulis mengkaji soal penyandaran karya *al-Munabbihāt 'Ala al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād* kepada Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dan membuat kesimpulan.

Bab Tiga: Takhrij Hadith Dalam Karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*

Dalam bab ketiga pula, penulis mula membuat takhrij analisis terhadap hadith yang termuat di dalam karya *al-Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād Li Yawm al-Ma'ād*. Karya ini mengandungi 51 buah hadith yang termuat di dalam sembilan bab, iaitu Bab *Thunā'i*, Bab *Thulāthi*, Bab *Rubā'i*, Bab *Khumāsi*, Bab *Sudāsi*, Bab *Subā'i*, Bab *Thumāni*, Bab *Tusā'i* dan Bab *'Usyāri*.

Bab Empat: Analisis Hadith Dalam Karya *al-Munabbihāt ‘Alā al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād*

Pada bab empat ini, data dan maklumat yang telah dinyatakan pada bab tiga akan dianalisis. Analisa dijalankan pada pelbagai sudut. Pertama, hadith tersebut akan dianalisis bilangannya mengikut persamaan matan dalam sumber hadith. Kemudian, riwayat dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dianalisis dari sudut kekerapan dan kategori riwayatnya. Setelah itu, sumber rujukan hadith dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* pula dianalisis dari sudut kekerapan sumber dan bentuk serta kategori sumber. Akhir sekali, penulis akan menganalisis status hadith dalam karya *al-Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād Li Yawm al-Ma’ād* dari sudut status dan kekerapannya.

Bab Kelima: Penutup

Mengakhiri kajian ini, bab kelima mengandungi kesimpulan bagi keseluruhan kajian. Rumusan dan kesimpulan yang dibuat di dalam bab ini menjadi kayu pengukur objektif kajian yang telah ditetapkan pada bahagian pendahuluan. Penulis mengakhiri penulisan bab ini dengan memberi beberapa cadangan dan saranan yang sesuai dengan subjek kajian.